

SAINS SOSIAL: MENELITI KEJITUAN PENDEKATANNYA DAN CABARAN YANG DIHADAPI

*Qasim Ahmad**

PENGENALAN

Bilamana kita membicarakan pendekatan sains sosial dan para pengamalinya, maka wajarlah kita, rasanya, melihat semula kepada konteks kelahiran sains sosial itu sendiri. Memandangkan sains sosial, sepertimana yang diamalkan di negara kita ini, amat berteraskan kepada, atau terpengaruh dengan, amalan sains sosial di Barat, jadi tentunya tidak tersalah hala atau arah, sekiranya kita merujuk seketika akar umbi kemunculannya di Barat, yakni sekadar mengemukakan suatu titik tolak kepada perbincangan. Seperti yang umum diketahui sains sosial muncul di Barat ekoran Revolusi Sains kurun ke 16.

Sebelum kurun ke 16 bidang ilmu atau kajian ke atas alam dan manusia amat dipengaruhi oleh pemikiran dan pendekatan Yunani. Di antara ciri-ciri pemikiran Yunani ini ialah kecenderungan untuk mengasaskan pengetahuan kepada ilmu atau pengetahuan lama. Maksudnya, penyangkalan premis atau landasan pengetahuan lama bukanlah merupakan sesuatu yang menonjol di dalam kaedah pemikiran Yunani. Sebaliknya, pendekatan tersebut lebih berminat untuk hanya mengubahsuai teori atau pengetahuan lama yang sudah diterima pakai. Ia juga memberi keutamaan atau tumpuan kepada unsur falsafah, unsur spekulatif dan metafizikal.

* *Qasim Ahmad ialah Profesor dan Dekan Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.*

Walau bagaimanapun, menjelang kurun ke 16, yakni semasa era *Renaissance* di Eropah, muncullah teori-teori yang menjadikan matematik, pengukuran dan pemerhatian sebagai asas untuk membina pengetahuan. Pengetahuan bukan lagi diasaskan kepada falsafah, spekulasi atau logik semata-mata. Teori atau pendekatan baru ini, yang juga dikenali dengan istilah neoplatonisme, sekali gus amat condong ke arah dan mendukung kaedah. Dengan perkataan lain, ia berunsur skeptikal, berwaspada atau tidak mudah menerima sahaja pengetahuan atau cabang ilmu yang dihidangkan sebelum pengetahuan atau ilmu tersebut diusul periksa atau dikaji selidik hingga ke akar pangkalnya terlebih dahulu. Ciri-ciri ini semualah yang menjadi asas kepada epistemologi, yakni teori atau kaedah ilmu, saintifik. Pemerhatian (empiricisme), generalisasi dan ujikaji menjadi lambang-lambang atau mantra baru bagi menonjolkan dan membela keutuhan sesuatu pengetahuan, dan di dalam kes ini pengetahuan tersebut ialah ilmu sains atau sains tabii. Pada zaman Revolusi Sains di Barat inilah lahir dan berjasanya tokoh-tokoh sains tabii seperti Nicolaus Copernicus (1473-1543), Andrea Vesalius (1514-1564), Francis Bacon (1561-1626), Galileo Galilei (1564-1642) dan Johanes Kepler (1571-1630). Kemuncak kepada deretan para saintis tabii ini ialah Isaac Newton (1642-1727) yang menerbitkan satu-satu karya ulungnya *The Mathematical Principles of Natural Philosophy* dalam tahun 1687. Newton berpegang teguh kepada prinsip dan keperluan metode eksperimen dan perkiraan matematik. Di antara penemuannya yang terpenting bersabit pergerakan (*motion*) ialah prinsip bahawa tanpa geseran (*friction*), pergerakan akan terus mara secara lurus; perubahan pergerakan bergantung kepada daya (*force*), serta aksi dan reaksi pada sesuatu jisim (*mass*) adalah sama kuatnya tetapi bergerak dalam hala yang bertentangan arah.

Prinsip-prinsip di atas ini telah diperpanjangkan bagi menjelaskan sistem planet, yakni mendokong teori bahawa semua pergerakan adalah hasil daripada daya yang persis, standard dan boleh dipertontonkan. Maka telah ditemui dan

diketengahkanlah hukum yang mendasari pergerakan planet dan terjelastah hal-hal cakerawala yang sebelum itu berada di luar pengetahuan umum. Telahan atau pelunjukan bersabit pergerakan planet, termasuk bumi, matahari dan bulan dapat dibuat dengan presis. Asas dan terbitan daripada pengetahuan ini terus dimanfaatkan dengan yakin hingga ke zaman ini.

ILMU SAINS MENEMPA TEMPAT BARU

Dengan penemuan-penemuan baru di bidang sains tabii, maka ilmu sains telah menempa tempat baru, ia memprolehi kedudukan atau taraf tertinggi dalam hierarki ilmu di Barat. Falsafah tidak lagi merupakan sesuatu bidang ilmu yang terunggul. Maka bermulalah suatu perlumbaan, kalaulah boleh dikatakan perlumbaan, di kalangan para pengamal ilmu selain ilmu sains tabii: perlumbaan bagi membolehkan bidang ilmu masing-masing dikategorikan sebagai saintifik. Maka bermulalah juga usaha untuk menggunakan kaedah empirikal, mengenenahkan generalisasi, malah hukum juga, dalam pelbagai ilmu sosial, lantas lahirlah istilah sains sosial.

Individu pertama di Barat yang cuba mengacukan kaedah saintifik ke bidang pengetahuan ilmu lain (sains sosial) ialah René Descartes (1596-1650). Descartes telah menghasilkan *Discourse on the Method of Rightly Conducting the Reason : Seeking Truth in the Sciences*, dalam tahun 1637. Beliau menganjurkan teori/konsep mekanisme, yakni yang menegaskan bahawa seluruh alam cakerawala ini, termasuk manusia, boleh dianggap sebagai mesin yang kompleks dan oleh itu beroperasi berasaskan prinsip fizikal yang kental. Namun begitu, Descartes masih juga mendukung keunggulan akal di samping kaedah empirikal.

IBN KHALDUN: DI LUAR WILAYAH BARAT

Di luar wilayah Barat, walau bagaimanapun, penggunaan kaedah saintifik untuk mengkaji fenomena masyarakat telahpun dibuat sebelum zaman Descartes, ia malah telah pun mendahului zaman Revolusi Sains kurun ke 16 lagi. Ia telah dipelopori oleh Ibn Khaldun atau Abdul Rahman bin Muhammad bin Khaldun al-Hadrami (1337-1406), seorang yang dilahirkan di Tunis dan lebih terkenal sebagai seorang sejarawan. Dalam karya ulungnya, *Mukadimah*, Ibn Khaldun telah mengutarakan pelbagai pendapat berpaksikan pemerhatian, pengkajian secara saintifik dan seterusnya mengenengahkan teori-teori yang relevan atau bersabit dengan subjek-subjek yang dikaji itu.

Subjek yang menjadi tumpuan Ibn Khaldun adalah pelbagai, termasuklah kehidupan binatang, pemakanan dan manusia serta kuasa dan kerajaan. Inilah pemerhatian Ibn Khaldun, misalnya, tentang pemakanan dan kaitannya dengan kesihatan badan,

Berhubung dengan sebabnya, boleh dibuat suatu saranan yang tidak muktamad bahawa makanan yang berlebih-lebihan dan kelembapan yang tinggi akan menghasilkan sesuatu yang memudaratkan kepada bahan-bahan yang berlebihan di dalam tubuh, yang mana, ia sebaliknya, mengakibatkan pertumbuhan tubuh yang tidak seimbang, juga menghasilkan sesuatu yang merosakkan, suatu yang amat tidak menyenangkan. Akibatnya ialah kulit yang pucat dan tubuh badan yang hodoh, sebabnya orang yang berkenaan mempunyai banyak daging, sebagaimana yang telah dinyatakan. Apabila kelembapan itu dengan baunya yang kurang menyenangkan naik ke kepala, ke otak maka kebolehan berfikir menjadi tumpul. Ia mengakibatkan kedunguan, tidak berhati-hati dan secara amnya adalah tidak ada kesabaran.¹

Tentang keteguhan kuasa sesuatu kerajaan di pusat pemerintahannya di bandingkan dengan di daerah pinggiran, Ibn Khaldun pula mengemukakan teorinya yang berbunyi,

Sesebuah kerajaan adalah sangat berkuasa di pusat negara berbanding dengan wilayah perbatasannya. Apabila ia telah menjangkau perkembangan yang paling jauh, ia menjadi tidak berdaya lagi untuk memperluaskan kawasan taklukannya. Ia dapat dibandingkan dengan sinaran cahaya yang lebih terang di bahagian tengahnya atau lingkaran riak di permukaan air yang dikocak.²

Kaedah dan pengutaraan pendapat atau rumusan yang sedemikian inilah yang menyebabkan Ibn Khaldun dilihat sebagai saintis sosial yang mendahului zamannya dan mendahului kebangkitan sains sosial di Barat. Seperti kata Yves Lacoste,

Dalam pendekatannya terhadap sejarah, walau bagaimanapun, Ibn Khaldun jelas berfikir dan berhujah seumpama seorang saintis moden. Soalan-soalan yang ditanyanya adalah pada asasnya juga soalan-soalan yang kini kita sendiri bangkitkan dan sebab-musabab yang ditemuinya adalah amat serupa dengan yang menarik minat kita. Pendekatan saintifik moden inilah yang menjadikan Ibn Khaldun begitu berbeza sekali daripada kebanyakan para pemikir zaman pertengahan.³

Kata Lacoste lagi,

Struktur intelek Ibn Khaldun amatlah berbeza: tumpuan falsafahnya adalah berpunca daripada pemerhatiannya yang saintifik. Penyelidikannya

tidak bermula daripada satu sistem logik [seperti halnya dengan para ahli falsafah lama].⁴

Berbalik semula kepada sejarah pertumbuhan dan perkembangan sains sosial di Barat, kita dapati yang ia (sains sosial) telah melalui suatu tahap penyemerakan pada zaman Enlightenment di kurun kelapan belas. Para pemikir Enlightenment Eropah yang paling terkenal ialah para pemikir, atau philosophes, Perancis. Mereka, dengan lebih lantang dan tegas lagi, telah menyuarakan aspirasi untuk menurut jejak para saintis tabii di dalam penulisan dan amalan mereka. Sekiranya terdapat hukum sejagat yang mendasari pergerakan alam cakerawala dan hukum tersebut telahpun dapat ditemui oleh para saintis tabii, maka para pemikir *Enlightenment* percaya hukum sejagat yang mendasari perilaku manusia dan masyarakat juga tentunya wujud dan mampu ditemui. Sekiranya ia ditemui, bukan direka, dan kemudian manusia rela dan komited untuk hidup bermasyarakat berpandukan hukum tersebut maka tidak akan bertelagalah para ahli masyarakat berkenaan; mereka tidak akan bergeseran di antara satu sama lain seperti mana tidak saling berlangarnya planet-planet di angkasa lepas. Dalam usaha untuk mencari dan menemui hukum sosial yang dikatakan mendasari kehidupan manusia, para pemikir *Enlightenment* ini bergantung dan berpandukan akal manusia semata-mata. Mereka juga percaya yang manusia juga adalah seperti mesin, biarpun mesin yang kompleks, dan bergerak di atas prinsip atau landasan fizikal yang jitu atau kental. Inilah yang telah pernah dikatakan oleh Descartes sebelum ini⁵ dan setelah itu tanggapan ini diwariskannya pula kepada para pemikir *Enlightenment* ini. Lantas, di dalam merumuskan pandangan pemikir *Enlightenment* Perancis bernama Francois-Marie Aronet, atau Voltaire (1694-1774), M. Chambers *et.al.* menulis,

Voltaire berharap orang Eropah yang terpelajar akan meninggalkan agama Kristian dan menyokong deisme, satu aliran kepercayaan yang mengiktiraf Tuhan sebagai Pencipta tetapi

mendakwa yang dunia ini, selepas diciptakan, berfungsi mengikut hukum tabii tanpa campur tangan dari Tuhan. Manusia oleh itu hidup keseluruhannya dalam alam sejagat mereka sendiri, tanpa harapan atau ketakutan terhadap campurtangan dari Yang Maha Kuasa dan tanpa amaran mengenai kejahatan atau harapan untuk keselamatan abadi.⁶

Dalam kehidupan 'tanpa campur tangan dari Tuhan' seperti yang didakwa itu, maka terpahatlah dalam minda para pemikir. *Enlightenment* tanggapan bahawa manusialah yang berupaya dan bakal menentukan segalanya. Lantas lahirlah ungkapan 'manusia adalah pengukur segala sesuatu', pancaran daripada optimisme zaman *Renaissance* yang meletakkan kepercayaan yang berlebihan terhadap keupayaan manusia.⁷

PERBANDINGAN ANTARA SAINS TABII DAN SAINS SOSIAL

Pentas sepertimana yang diterakan di ataslah yang menyediakan tempat atau latar bagi penilaian ke atas fungsi sains sosial. Oleh kerana sains sosial muncul mengiringi sains tabii, dan dengan harapan untuk meniru atau menyaingi sains tabii maka perbandingan antara peranan serta pencapaian kedua-dua bidang ini sering dibuat. Perbandingan sebegini tentulah sukar untuk dielakkan, biarpun terdapat juga pandangan yang mungkin tidak bersetuju dengan langkah sedemikian itu.

Pada peringkat paling asas, kalau sains tabii dan sains sosial diperbandingkan, ketara sekali terdapat beberapa matlamat yang sama. Sesuatu objektif yang serupa yang terdapat pada sains tabii dan sains sosial ialah kegiatan untuk memperihalkan serta memperjelaskan sesuatu fenomena. Pemerihalan dan penjelasan itu pula melibatkan aspek sebab dan akibat. Jadi pentakrifan sains, misalnya seperti yang diketengahkan oleh J.M. Charon,

adalah pentakrifan yang boleh diaplikasikan untuk sains tabii dan juga sains sosial. Kata Charon,

Sains bertujuan mengungkapkan suatu teori mapan yang abstrak dan yang juga mencuba untuk memahami sebab musabab. Ia merupakan satu proses berterusan yang melibatkan pengungkapan hipotesis daripada teori, ujian daripada hipotesis, dan rumusan daripada ujian. Paling utama sekali sains bertujuan untuk mengemukakan penjelasan, yang merupakan kajian terhadap persoalan bagaimana angka ubah berhubungkait dan mencetuskan akibat, tetapi ia juga kadangkala bertujuan untuk memperihalkan sesuatu.⁸

Pengungkapan teori, sama ada di bidang sains tabii atau sains sosial, bukanlah semata-mata setakat pengungkapannya sahaja. Teori yang berkenaan itu diungkapkan demi memberi panduan bagi sesuatu tindakan. Tindakan itu semestinya pula berupaya membawa sesuatu faedah kepada masyarakat dan para ahlinya, manusia dan dunia amnya. Keupayaan ini tidak dapat tidak akan bergantung kepada sejauh mana mantapnya sesuatu teori yang berkenaan. Di sinilah bermulanya kelunturan atau keterjejasan kedudukan sains sosial berbanding sains tabii. Merujuk kepada pentakrifan sains yang diketengahkan sebelum ini, jelas bahawa pengungkapan teori secara amnya, dan hipotesis secara khususnya, tidaklah bermasalah sangat baik di bidang sains tabii atau pun sains sosial. Masalah muncul bilamana atau sebaik sahaja hipotesis yang diketengahkan itu mahu diuji demi menghasilkan sesuatu rumusan. Kelemahan atau keterjejasan paling utama (dan paling parah) teori sains sosial berbanding teori sains tabii ialah kesahihan teori sains sosial tidak boleh dipertahan, disah dan dipamerkan melalui kaedah dan keputusan ujitubi lagi dan lagi. Keadaan ini amat berbeza dengan kedudukan teori sains tabii. Dalam bidang sains tabii proses atau tindakan ujitubi ini dilakukan dengan begitu mudah dan biasa sekali. Tanpa pengesahan teori secara

muktamad, maka pengutaraan generalisasi dan pengungkapan hukum yang kental untuk dijadikan asas tindakan dan perancangan amalan sudah tentu tidak dapat dilaksanakan.

Penjelasan terhadap perbezaan ini mudah dan lumrah sudah diutarakan. Elemen atau angka ubah utama di dalam teori sains sosial ialah manusia yang berperasaan dan berfikiran lantas sukar dikontrol atau dijadualkan secara presis. Sebaliknya, elemen dan angka ubah bukan organik di dalam eksperimen sains tabii boleh dan mudah diatur, diperseimbang dan diadun mengikut formula dan jadual yang sudah ditetapkan. Seseorang yang sangsi atau skeptikal terhadap sesuatu teori sains tabii boleh ditenang dan diyakinkan oleh seorang ahli sains tabii dengan pengulangan semula sesuatu eksperimen demi mengesahkan dakwaan yang diketengahkan oleh sesuatu teori berkenaan. Hal yang sedemikian ini mustahil dilakukan di dalam bidang sains sosial.⁹ Dalam konteks sebegini tidaklah menghairankan jika keyakinan pelbagai pihak terhadap kemantapan dan kebenaran teori sains sosial nyata lebih rendah dibandingkan dengan keyakinan mereka terhadap teori-teori sains tabii.

Semestinya dan logik sekalilah sesuatu teori yang tidak mantap seratus peratus tidak berupaya, dan tidak boleh mendakwa berupaya, mengutarakan suatu panduan, formula atau kaedah yang terjamin seratus peratus keberhasilannya. Sains sosial cuba meniru sains tulen dalam aspek mengukur dan memerhatikan sesuatu secara tepat dan presis agar teori yang dibentuk berasaskan pengukuran dan pemerhatian itu juga tepat dan presis. Lantaran itu hasil atau keputusan yang bakal diraih dari teori itu juga akan menjadi tepat dan presis. Dalam aspek atau pemburuan ini sains sosial gagal.

PERBANDINGAN TEORI SAINS TABII DAN SAINS SOSIAL

Bagi menjelaskan lagi huraian di atas, dan sebagai contoh, kita kembali kepada teori Ibn Khaldun dan Newton yang telah dirujuk seimbias lalu sebelum ini. Ibn Khaldun mengatakan bahawa lebih jauh terletaknya sesebuah daerah daripada pusat pemerintahan maka lebih longgarlah cengkaman atau pengaruh kuasa pusat ke atas daerah tersebut. Walaupun teori ini masuk akal, boleh dipercayai atau credible jika diperhatikan secara zahirnya, namun adalah mustahil untuk kita memberikan sesuatu ukuran yang presis dan tepat bagi kes atau teori ini. Maksudnya, adalah mustahil untuk kita mengatakan sekiranya jarak sesuatu daerah daripada pusat kuasa ialah 1000 kilometer maka pengaruh kuasa pusat yang dirasakan di daerah tersebut hanyalah 50% sahaja dari pengaruh yang terdapat di pusat kuasa atau ibu kota. Gambaran daripada dunia seharian dalam aspek perhubungan metropolitan-pinggiran ini juga beraneka sehingga sokongan padu kepada teori Ibn Khaldun sukar dibuat, sukar dipertahankan mati-matian. Oleh kerana unsur atau komponen teori ini tidak presis maka teori itu dengan sendirinya menjadi tidak presis dan faedah yang boleh diharapkan darinya juga tidak presis.

Pendeknya, teori Ibn Khaldun itu tidak boleh mengemukakan saranan yang mungkin berbunyi sedemikian ini: oleh kerana pengaruh kuasa pusat di daerah yang 1000 kilometer jaraknya dari ibu kota berkurangan 50% daripada pengaruh yang terdapat di pusat kuasa, maka kekuatan tentera dan sumber pentadbiran di daerah pinggiran berkenaan mestilah ditingkatkan di paras 50% lebih daripada apa yang terdapat di ibu kota demi memastikan pemberontakan atau gerakan pemisahan tidak berlaku. Saranan presis sebegini tidak boleh diutara dan dipertahankan kerana angka ubah dan komponen yang terlibat di dalam teori sains sosial ialah manusia yang perilaku, perasaan dan kecenderungannya tidak dapat dikontrol, diarah dan dijadualkan secara presis di dalam sesuatu persekitaran yang juga tidak dapat dikawal sepenuhnya. Lantas terserlahlah

keterhadan atau ketidakupayaan teori sains sosial. Ia tidak boleh dijadikan suatu petunjuk tepat bagi menjelaskan sesuatu fenomena yang terdapat di alam nyata. Prinsipnya juga tidak dapat diaplikasi bagi kegunaan di bidang atau arena lain. Oleh itu tidak hairanlah para saintis sosial amat sering sekali menegaskan bahawa teori sains sosial atau saranan yang terdapat di dalamnya haruslah dijadikan panduan semata-mata, tidak lebih dan tidak kurang.¹⁰

Namun begitu usaha ke arah mengenalpasti tren-tren utama, generalisasi umum yang boleh dipertahankan, seumum mungkin, tetap diteruskan. Jadi sesetengah pihak mendakwa telah menemui atau mengenalpasti hal-hal yang seumpama itu seperti: golongan yang berpendidikan rendah mempunyai aspirasi yang juga rendah dan ini menyebabkan mereka tidak memanfaatkan peluang yang tersedia; propaganda di media massa tidaklah seberkesan pengaruh pribadi dan kepuasan hati manusia bergantung kepada kumpulan tempat mereka jadikan rujukan atau bandingan.¹¹ Namun begitu, tren-tren utama ini bukan hukum; ia tetap kekal sebagai panduan sahaja dan tidak dapat disahkan melalui eksperimen di makmal.

KETEPATAN SAINS TABII DAN PENGHASILANNYA

Keadaan yang diperkatakan di atas adalah sebaliknya dalam kes sains tabii dan untuk penjelasannya kita boleh rujuk semula kepada teori pergerakan yang diketengahkan atau ditemui oleh Newton, sesuatu yang telah diperkatakan di atas tadi. Teori ini, antara lain, mengatakan bahawa daya aksi dan reaksi pada sesuatu jisim (*mass*) adalah sama tetapi bergerak ke arah yang bertentangan haluan. Aksi dan reaksi, atau pergerakan, boleh diukur secara presis. Misalnya, pada masa enjin kereta mula dihidupkan, dan brake belum dilepaskan, aci (*shaft*) akan memutar pada arah jam (*clockwise*). Ini memberikan satu daya yang menghala ke belakang. Apabila *brake* dilepaskan maka tayar itu akan bergerak ke hadapan dengan daya yang sama, yakni sebagai reaksi presis kepada pergerakan aci sebelum itu,

yakni sekiranya geseran atau gangguan tidak berlaku. Katakanlah daya pergerakan awal ke belakang itu ialah di tahap 5 kuasa kuda. Maka, tanpa sebarang gangguan, pergerakan ke hadapan juga akan berlaku di tahap 5 kuasa kuda juga. Semua ini boleh diukur dan dimonitor. Sebaik sahaja *brake* dilepaskan, maka daya 5 kuasa kuda itu akan memberikan momentum untuk pergerakan seterusnya. Pergerakan itu boleh ditentukan kelajuannya, dan tanpa geseran, ia akan berterusan seperti yang terjadual. Oleh kerana penemuan ini dapat disahkan, dan faktanya tepat maka penemuan itu boleh diaplikasikan tanpa was-was di dalam arena atau bidang lain, baik untuk kapal terbang, jet pejuang, bot di laut dan sebagainya. Ketepatan ini dan seterusnya kebolehan prinsip atau penemuan sains tabii disahkan lagi dan lagi dan diaplikasikan untuk tujuan yang sama di pelbagai telah menjadikan sains tabii lebih saintifik dan, dalam konteks ini, lebih *superior* daripada sains sosial. (Prinsip Newton tentang pergerakan ini sebenarnya telah diperkembangkan oleh Lenz).

Ekoran daripada ketepatan asas sains tabii ini maka penghasilan dalam bidang ini telah juga muncul dalam bentuk yang tepat, nyata, boleh dipertonton dan diukur. Sains sosial yang gagal meniru serta menyamai sains tabii dalam aspek pengkonkritan teori juga gagal mengengahkan hasil yang jitu. Para pengamal kejuruteraan mekanikal boleh menunjuk ke arah pelbagai rupa dan bentuk jentera dan mesin sebagai bukti kejayaan bidang tersebut; para pengamal kejuruteraan sivil ke arah rangkaian jalanraya di seantero dunia dan para pengamal di bidang seni bina ke arah keanekaan bangunan di merata-rata tempat. Seterusnya, kombinasi segala bidang ilmu sains dan teknologi ini secara sekelompok boleh menunjuk ke arah Revolusi Perindustrian sebagai tanda puncak pencapaiannya. Siapa yang dapat menafikan ini semua? Keputusan meletakkan kepercayaan penuh kepada kaedah dan usaha sains, *scientific endeavour*, serta tanggungjawab untuk menerajuinya kepada manusia nampaknya sudah berjaya. Kombinasi sains tabii dengan usaha manusia ini, kadang-kadang juga diistilahkan oleh sesetengah pihak sebagai humanisme, telah jelas membawa

perubahan raksasa kepada kehidupan manusia, di Barat atau di Timur. Kata seorang pengkaji,

Pencapaian humanisme yang berkekalan ialah tamadun perindustrian dan kejayaan cemerlangnya mengatasi keperluan akibat daripada keperluan zaman berzaman — kemiskinan, kebuluran, penyakit dan perburuhan kasar.¹²

Bertitik-tolak daripada pemerhatian atau premis di atas, maka sesebuah negara yang mahu menuju ke arah perindustrian, yang mahu menjadi negara maju, tentu akan memberikan tumpuan khusus kepada bidang sains dan teknologi. Jadi tidak hairanlah sekiranya Kementerian Pendidikan Malaysia sendiri telah menetapkan agar universiti awam tempatan memberikan tumpuan yang lebih kepada bidang sains dan teknologi berbanding sains sosial dengan pemberatan atau nisbah '60 peratus bagi bidang teknikal dan 40 peratus bukan teknikal.'¹³ Kerajaan Malaysia memang telah menetapkan agenda untuk menjadikan negara ini negara industri sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Penghasilan konkrit di bidang sains dan teknologi, sesuatu yang boleh diukur dan dipertontonkan, serta prioriti utama atau lebih tinggi yang diberikan kepada bidang berkenaan sudah mampu, tentunya, untuk membuktikan, dari satu aspek, kemustahakannya dan kecemerlangan masa depannya, yakni secara bandingannya dengan bidang sains sosial.

PERTIMBANGAN KEMANUSIAAN

Namun begitu memanglah lumrah juga diperkatakan bahawa nilai-nilai kemanusiaan serta kesejahteraan masyarakat amatlah perlu sama-sama dijaga dan dibangunkan seiring dengan kemajuan ekonomi atau fizikal, yakni kemajuan sains dan teknologi. Sehubungan dengan ini misalnya, bekas Ketua

Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara dan Kebajikan Masyarakat Malaysia pernah berkata,

Malaysia tidak seharusnya hanya dibangunkan di bidang ekonomi, tetapi juga dalam semua dimensi termasuk politik, sosial, kerohanian, psikologi dan juga kebudayaan.¹⁴

Pendeknya, penegasannya ialah tanpa pembangunan atau kesejahteraan kemanusiaan dan kemasyarakatan, pembangunan perindustrian tidak akan membawa sebarang erti. Malah, di dalam sesetengah aspek, ia juga boleh dikatakan sebagai sesuatu yang penuh bahaya.¹⁵

Sehubungan dengan ini kepentingan ilmu seperti sejarah juga amat sering diperkatakan. Misalnya, YB Datuk Abdullah Ahmad Badawi, semasa beliau menjadi Menteri Luar, pernah menegaskan:

Melalui sejarah, kita dapat mengetahui kelemahan dan kesilapan generasi lalu dan mengenal pasti kekuatan yang ada bagi mencapai kejayaan lebih gemilang pada masa depan.¹⁶

Kemustahakan sains sosial telah juga ditekankan dari aspek unsur pelengkapanya terhadap kajian sains tulen. Misalnya, di dalam kegiatan atau usaha para saintis tabii mahu menyelamatkan planet bumi ini dari pencemaran dan kemusnahan, maka para saintis sosial sewajarnya mendakwa bahawa penyelidikan atau kajian bersabit tidak sepatutnya ditumpukan kepada alam fizikalnya sahaja, yakni seperti perubahan cuaca, naik turunnya paras laut atau apa yang berlaku kepada lapisan ozon. Tumpuan seharusnya dihalakan juga kepada perilaku manusia. Dengan perkataan lain, kajian terhadap perubahan-perubahan global ini harus ada dimensi kemanusiaannya sekali. Hal ini telah pernah ditegaskan oleh seorang sarjana yang berhujah sedemikian ini,

Pada hari ini terdapat pengakuan saintifik yang meluas tentang keutamaan peranan yang dimainkan oleh unsur *anthropogenetic* (kemanusiaan), bukan hanya dalam menstimulasikan perubahan global, tetapi juga bersabit dengan usaha memodifikasikan proses yang sedang berlangsung. Oleh sebab itu, sekiranya komuniti saintifik dan pihak yang bertanggungjawab menggubal dasar nasional dan antarabangsa ingin memahami perubahan yang berlaku di alam persekitaran global, penyelidikan mestilah difokuskan kepada dimensi kemanusiaan dan juga dimensi fizikal masalah tersebut.¹⁷

Secara logiknya perkiraan sebegini sudah memadai untuk menegaskan atau membela kemusatahakan sains sosial.

PEMAMEREN PENGHASILAN: MASALAH SAINS SOSIAL

Kalaulah secara logiknya kemustahakan sains sosial dapat dihujah dan ditonjolkan, namun secara praktiknya kemustahakan itu tidak dapat didemonstrasikan sepertimana kemustahakan (penghasilan) sains tabii atau sains dan teknologi dapat dipamerkan. Seseorang tidak dapat dengan jelas dan tanpa sebarang kesangsian merujuk kepada suatu fenomena cemerlang dalam mana-mana masyarakat dan mengatakan bahawa itulah dia hasil daripada kajian dan penyelidikan sains sosial, itupun sekiranya seseorang itu dapat menunjuk kepada sesuatu aspek kemasyarakatan setempat atau antarabangsa yang jelas sudah bertambah baik keadaan atau kedudukannya. Bolehkah kita dengan tegas, tanpa mengkhawatiri kita akan dipertikaikan oleh mana-mana pihak lain, menyatakan atau memutuskan bahawa semenjak lima tahun lalu kerukunan rumahtangga sudah bertambah di negara X, sepanjang tahun lalu kemesraan hidup berjiran sudah bertambah dua kali ganda di wilayah Y, atau,

tahap saling percaya mempercayai dalam hubungan antara negara di arena diplomasi antarabangsa telah meningkat 20% di dekad 1980an berbanding dengan dekad sebelumnya? Seandainya jawapan kepada ketiga-tiga soalan ini, dan yang lain yang sebetuk atau sekategori dengannya, ialah tidak boleh, maka sekali lagi terdedahlah kelemahan disiplin sains sosial berbanding dengan sains tabii atau sains dan teknologi. Tren-tren utama yang dikatakan sebelum ini telah dapat dikenalpasti masih tidak dapat menunjukkan unsur kepastian seperti yang diperkatakan ini.

Ketidakupayaan untuk menonjolkan secara muktamad sesuatu kebaikan di dalam kehidupan bermasyarakat bukan hanya boleh menimbulkan rasa tawar hati di dalam diri para saintis sosial tetapi juga boleh menyebabkan para penaung kegiatan kajian dan penyelidikan sains sosial, kerajaan misalnya, enggan langsung atau enggan lagi untuk menggalakkan, membantu dan menghargai bidang berkenaan. Keengganan tersebut boleh dimanifestasikan kekurangan jumlah dalam pelbagai bentuk dasar (atau ketiadaan dasar). Kemasukan pelajar sains sosial berbanding pelajar sains tulen ke institusi pengajian tinggi mungkin adalah satu-satunya manifestasi ini. Peruntukan kewangan untuk penyelidikan sains sosial berbanding sains tabii juga boleh dikatakan satu lagi petunjuknya.

Kekurangan bantuan kepada penyelidikan sains sosial dikatakan telah menjadikan prestasi sains sosial sukar dipertingkatkan. sekiranya ia tidak dipertingkatkan maka mutu penyelidikan dan pengamalannya terus kekal daif. Dengan kedaifannya, maka lagi sukarlah tugas para saintis sosial mahu meyakinkan pihak lain agar membantu atau menyokong bidang sains sosial — tidak ada pihak yang mungkin bersedia melabur tenaga atau dana untuk mempertingkatkan. Inilah dia lingkaran maut atau *vicious circle* yang menghantui sains sosial kesekian lama. Hal ini dihadapi oleh para saintis di Malaysia dan juga di Barat dan di tempat lain. Semasa menggambarkan masalah ini di dekad ini, Federico Mayor misalnya, menulis,

Seseorang dapat mengesani sesuatu dilema yang berlarutan di sini; para saintis sosial perlukan sumber yang lebih banyak lagi dan penyelidikan dalam skala yang lebih besar bagi menghasilkan bukti yang diharapkan oleh para penggubal dasar; mereka [para penggubal dasar] mungkin akan bersedia untuk meningkatkan dengan agak banyak dana untuk sains sosial sekiranya mereka dapat diyakinkan tentang kegunaan dan impak lebih berkesan sains sosial, sesuatu yang tidak dapat dihasilkan oleh sains sosial melainkan ia diperuntukkan dengan dana yang lebih besar, dan begitulah seterusnya.¹⁸

Walau bagaimanapun masalah ini tidak semestinya berakhir seandainya peruntukan untuk penyelidikan sains sosial dipertingkat dan keadaan masyarakat kelihatan (dan dapat dipastikan dengan sesuatu ukuran?) bertambah baik.

Kalaupun sesuatu kecemerlangan dalam kehidupan bermasyarakat dapat dikesan dan ditonjolkan, kita tidak semestinya pula dapat mendakwa dengan yakin bahawa kecemerlangan tersebut adalah hasil daripada kegiatan para pengamal atau aktivitis sains sosial. Ia tidak boleh didemonstrasikan kerana, seperti mana yang dikatakan sebelum ini, hubungkait faktor atau elemen dalam sains sosial tidak dapat dipastikan melalui eksperimen di makmal. Keadaan yang sedemikian inilah yang boleh menjadikan sains sosial terus terpinggir.

ISU SOSIAL DAN POLITIK SEMASA

Keterpinggiran sains sosial dan ketawaran hati terhadapnya akan semestinya lebih dirasakan sekiranya keadaan masyarakat negara dan antarabangsa dilihat atau dianggap sebagai tidak menampakkan sesuatu yang baik. Biarpun tradisi dan standard sains sosial moden memerlukan, terlebih dahulu, peninjauan

meluas dan pernyataan berstatistik bersabit sesuatu fenomena sebelum sesuatu rumusan bersabitnya dibuat, terkadang kala sesuatu atau beberapa insiden dramatik lagi besar sudah dikira memadai bagi menggambarkan (atau betul-betul mempertunjukkan) keadaan sesuatu pemmasalahan atau isu sosial. Mislanya, beberapa kes kanak-kanak atau remaja terlibat sebagai pembunuh di sesebuah negara telah dengan semerta dan sendirinya mengketengahkan isu keganasan juvana sebagai sesuatu yang perlu ditangani. Hal yang sama mungkin boleh juga diperkatakan bersabit kes lepak di Malaysia, atau, krisis Bosnia-Herzegovina dan Kosovo dalam arena hubungan antarabangsa. Hal-hal ini telah dengan jelasnya menonjolkan persoalan pokok atau penting di bidang-bidang bersabit tadi. Biarpun daripada segi statistiknya majoriti remaja bukanlah pembunuh, peratus pemuda yang lepak mungkin amat jauh lebih rendah dari paras 50% dan hal-ehwal antarabangsa tidak boleh ditakrifkan berdasarkan peristiwa Bosnia-Herzegovina serta Kosovo semata-mata, namun suka tidak suka, episod ini semua telah menarik perhatian umum terhadapnya secara spontan dan mendalam. Sesetengah pihak mungkin juga mahu mendakwa atau menghujahkan bahawa episod-episod ini masing-masing merupakan manifestasi atau cetusan daripada sistem keluarga, masyarakat dan antarabangsa yang pincang.

Pihak yang tidak bersetuju dengan dakwaan sedemikian itu tidak semestinya pula berupaya untuk menafikannya dengan jelas dan dengan cara yang boleh menyakinkan semua pihak. Inilah saya kira persoalan yang mahu dibangkitkan dan dibicarakan oleh seorang saintis sosial Barat terkenal masa kini, Immanuel Wallerstein. Wallerstein berasa lemas dengan keadaan sekeliling yang dilihatnya sebagai begitu muram, yakni tidak menampakkan atau menjanjikan sesuatu yang baik lagi memberangsangkan. Katanya, ' Kita sedang menuju ke era hitam, bilamana kemalapetakaan Bosnia dan Los Angeles akan dipergandakan dan berlaku di mana-mana.' Dia mengingatkan kita tentang sejarah permulaan sains sosial dan sekali gus bertanya, 'Sains sosial telah dibangunkan di atas premis optimisme sosial. Bolehkah ia menemui sesuatu untuk

diperkatakan di dalam era yang akan diwarnai oleh pesimisme sosial? ¹⁹

PANDANGAN WALLERSTEIN

Pada pandangan Wallerstein kegagalan sains sosial mengesan, menilai dan menyelesaikan masalah sosial berpunca daripada tindakan menghadkan pembicaraan isu sosial kepada hal yang nyata dan rasional sahaja dan menyingkirkan segala aspek metafizikal darinya. Memang kerationalanlah asas dan parameter sains tulen, yakni pembatasan berlandaskan hal yang nyata sahaja, dan memanglah sains sosial bertekad dari awal lagi untuk menjejak langkah sains tabii. Ikutan dan landasan inilah yang dikatakan oleh Wallerstein sebagai sesuatu yang salah. Beliau berhujah bahawa setiap perkara fizikal mempunyai dimensi metafizikalnya yang tersendiri dan penafian terhadap unsur metafizikal ini boleh menyebabkan pemahaman yang tidak menyeluruh atau lengkap terhadap sesuatu fenomena atau masalah sosial yang dikaji. Lantas, tentu boleh dihujahkan bahawa bilamana pemahaman tersebut tidak sempurna maka pengkajian ke atas masalah sosial berkenaan serta juga kaedah untuk menyelesaikannya tentulah juga tidak terjamin kesempurnaan dan keberkesanannya. Inilah, kita boleh katakan, keadaan yang kini kelihatan memerangkap sains sosial.

Daripada satu segi, mungkin jelas bahawa hujah Wallerstein di atas sebenarnya merupakan ekoran daripada tanggapannya yang melihat keadaan masyarakat sekarang sebagai tidak bermaya, tidak berprestasi baik. Terdapat perkiraan atau perlunjukan logik di dalam pendirian Wallerstein ini. Pendeknya, apa yang mahu diutarakan oleh Wallerstein ialah realiti atau alam kemasyarakatan masa kini adalah jauh dari memberangsangkan. Ia dihantui oleh pelbagai masalah sosial di pelbagai peringkat. Ini menunjukkan, baginya, kegagalan sains sosial memainkan peranannya. Oleh kerana sains sosial selama ini hanya berteras dan berpandukan kerationalan, maka kerationalanlah yang patut dipersalahkan bersabit kegagalan ini. Sekiranya, para

saintis sosial gagal menangani keadaan atau cabaran yang dihadapi ini, maka percayalah, kata Wallerstein, "Kita [para saintis sosial] akan menjadi tidak lagi relevan dalam masyarakat dan akan dinyahkan ke suatu pelusuk kecil dunia akademik..."²⁰ Untuk menyelamatkan para saintis sosial daripada kemalapetakaan ini maka para saintis sosial haruslah mentranformasikan diri mereka dan 'mengembalikan semula konsep rasionaliti substantif ke pesada tumpuan intelektual kita.'²¹

Kerasionalan substantif, kata Wallerstein, berlainan daripada kerasionalan biasa atau formal, tidak memandang atau mengutamakan keuntungan material atau faedah bagi individual semata-mata. Perkiraan individualistik, baginya, kerap kali akan menjejaskan kesejahteraan kolektif atau umum. Dakwaan Wallerstein terhadap para saintis sosial atau bidang sains sosial selama ini adalah berat sekali. Katanya,

Kita telah mengembara di lorong-lorong palsu selama 200 tahun. Kita telah menyesatkan orang lain tetapi lebih dari segalanya kita telah menyesatkan diri kita sendiri. Kita kini berada dalam proses menyingkirkan diri kita keluar daripada agenda sebenar bagi mencapai kebebasan manusia dan kesejahteraan kolektif. Kita mesti membetulkan semula arah tuju [kita], sekiranya kita berhasrat untuk mendapatkan sebarang peluang membantu setiap orang lain (atau malah sesiapa yang lain pun) untuk membetulkan semula arah tuju dunia ini. Kita mesti terutama sekali tidak bersikap angkuh. Kita mesti lakukan semua ini kerana sains sosial sebenarnya mempunyai sesuatu untuk disumbangkan kepada dunia. Apa yang ia boleh sumbangkan ialah kemungkinan mengaplikasikan kebijaksanaan manusia kepada [usaha penyelesaian] masalah kemanusiaan dan dengan itu menghasilkan potensi kemanusiaan,

yang mungkin kurang daripada kesempurnaan tetapi tentunya lebih daripada apa yang telah dihasilkan setakat ini.²²

PERTIMBANGAN KE ATAS PENDAPAT WALLERSTEIN

Tentulah tiada sesuatu yang perlu dirunsingkan sekiranya seseorang itu melihat masyarakat dan dunia sekelilingnya sebagai berada dalam keadaan baik, memberangsangkan dan jauh lebih gemilang daripada sebarang situasi yang pernah dialami oleh tamadun manusia sebelum ini. Seseorang itu seterusnya, tentu pula mahu memberi kredit kepada sains sosial bersabit pencapaian tersebut. Hujah untuk mengaitkan kedua-duanya mungkin sukar dibuat tetapi tidak mustahil untuk diajukan, biarpun ia juga masih sukar diterima oleh semua pihak. Jadi, dengan itu, berbeza pula daripada Wallerstein, seseorang itu mungkin mahu menegaskan bahawa selama 200 tahun para saintis sosial telah merintis dan menjalani lorong-lorong lurus yang telah memanfaatkan bukan hanya diri mereka sahaja tetapi juga warga dunia amnya.

Setelah menjelaskan dua telahan berbeza di atas, (seseorang boleh juga mempunyai persepsi yang berlainan) mungkin berfaedah juga jika ditinjau implikasi atau manifestasi perbezaan realiti formal dan realiti substantif seperti yang diketengahkan oleh Wallerstein. Sepertimana yang dijelaskan olehnya juga, realiti formal tidak mengambil kira unsur metafizikal dan sekali gus hanya memberikan keutamaan kepada faedah individu sahaja. Sebaliknya, realiti substantif dikatakan bukan hanya mengambil kira unsur metafizikal tetapi juga kesejahteraan umum.

Seandainya perkiraan atau perbincangan ini dipersabitkan dengan krisis Bosnia-Herzegovina maka dari kacamata realiti formal seseorang itu semestinya boleh melihat isu ini sebagai sesuatu yang tidak membayangkan kedurjanaan militer atau kemalapetakaan diplomasi. Dari segi *realpolitik*, seseorang itu

boleh berhujah bahawa pertempuran di Bosnia-Herzegovina itu tidak lebih dan tidak kurang daripada isu kuasa semata-mata. Soal moral dan kemanusiaan (unsur-unsur metafizikal) tidak perlu ditimbulkan dalam keseluruhan perkiraan tersebut. Kuasa dan perluasannya boleh diukur berdasarkan keluasan daerah takluk tetapi moral tidak pula boleh diukur sedemikian itu atau dengan kaedah pengukuran lain, yang nyata lagi konkrit. Jadi Wallerstein yang melihat krisis Bosnia-Herzegovina sebagai tompok hitam, tentunya dalam arena diplomasi antarabangsa malah konflik ketenteraan antara negara juga, semestinyalah mahu, kita boleh andaikan, mengambil kira aspek moral. Sekiranya aspek moral diperhitungkan, maka tentulah keadaan diplomasi antarabangsa telah sebenarnya tercemar oleh krisis Bosnia-Herzegovina. Ia tercemar kerana pengiktirafan kedaulatan negara Bosnia-Herzegovina oleh Bangsa-Bangsa Bersatu telah dikotak-katikka malah dinafikan oleh Serbia. Dari segi moral pula, etika konflik ketenteraan juga telah ternoda bilamana terdapatnya perkosaan ke atas wanita secara berleluasa, penyiksaan tahanan perang dan dasar penghapusan etnik.

Jadi, baik daripada segi diplomasi atau ketenteraan, krisis Bosnia-Herzegovina terpapar sebagai suatu episod menyayat hati di dalam arena hubungan antarabangsa. Ia sebenarnya satu tompok hitam dalam peradaban di penghujung kurun kedua puluh. Oleh kerana ia berlaku di hadapan mata dunia dan dunia antarabangsa gagal bertindak (atau gagal bertindak pantas) bagi mengatasinya, maka dunia antarabangsa dengan tersendirinya terheret ke meja penghukuman. Dunia atau diplomasi antarabangsa terhukum sebagai gagal memelihara kesejahteraan antarabangsa dan kegagalan tersebut tentunya dipertanggungjawabkan kepada sains sosial, lebih khusus lagi disiplin hubungan antarabangsa. Disiplin inilah yang mendakwa boleh, atau dipertanggungjawabkan bagi, memelihara dan memperbaiki sistem dan amalan perhubungan antarabangsa. Kegagalan sebeginilah yang mendorong Wallerstein untuk menyarankan agar premis sains sosial dinilai semula dan arah tujuhnya diperbetulkan. Secara khusus, saranannya ialah agar

landasan rasionaliti formal sains sosial ditukar kepada rasionaliti substantif.

Contoh Bosnia-Herzegovina yang dibicarakan di atas boleh ditukar ganti dengan isu lain, seperti isu Kosovo atau isu yang berlainan di bidang politik dalam negeri, perniagaan, hubungan (institusi) kekeluargaan dan sebagainya. Bidang sains sosial yang bersabit pula, bergantung kepada isu yang ditangani, boleh berpindah daripada bidang hubungan antarabangsa ke sains politik, ekonomi, sosiologi dan sebagainya. Sekiranya sains sosial berupaya membuat perubahan atau pengubahsuaian yang secocok dengan kehendak keadaan maka barulah sains sosial dapat menjamin kerelevanan dan masa depannya. Inilah, kita boleh rumuskan, pendirian Wallerstein.

Namun begitu, penemuan satu titik persetujuan bersabit sesuatu premis dalam sains sosial bukanlah sesuatu yang mudah. Pendeknya, biarpun kita mungkin bersetuju dengan Wallerstein tentang perlunya diutamakan rasionaliti substantif dan bukannya rasionaliti formal, namun persetujuan tentang apa yang boleh dan patut dianggap sebagai rasionaliti substantif di dalam sesuatu situasi tidak semestinya mudah dipersetujui oleh semua pihak. Hal ini harus berada di benak pemikiran setiap kita.

Walau bagaimanapun, sejauh mana sains sosial dapat menyahut cabaran di atas bergantung tentunya juga kepada persediaan para saintis sosial itu sendiri. Persediaan ini, antara lain, termasuklah keupayaan para saintis sosial meneliti dan menilai semula premis yang selama ini telah mendasari beberapa teori atau pengetahuan asas dalam pelbagai bidang sains sosial. Saranan yang diutarakan oleh Wallerstein seperti yang telah dibicarakan di atas adalah amat bersabit.

Persediaan dan keupayaan ini mungkin lebih-lebih lagi dirasakan perlu lagi kritikal dalam konteks Malaysia memandangkan terdapat dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa latihan atau pengajian sains sosial di Malaysia tidak begitu menggalakan pendekatan kreatif dan

analitikal. Dato Profesor Khoo Kay Kim, daripada Universiti Malaya, pernah satu masa tidak lama dulu berkata,

Di negara Asia pula sistem pendidikan kita masih mengikut sifat tradisional. Murid tidak digalakkan memberi jawapan yang *original*. Mereka biasanya diberikan jawapan oleh guru dan dikehendaki menjawab mengikut yang sudah diberikan oleh guru. Dalam keadaan begitu kita tidak akan melahirkan generasi yang boleh mencipta walaupun keputusan peperiksaan mereka dikatakan cemerlang²³

Tambahnya lagi,

Jika di sekolah mereka tidak biasa mencipta, apabila berada di universiti, pun begitu. Ketika menjadi pensyarah pun begitu. Kita banyak bergantung kepada sarjana asing sehingga apabila membuat kajian mengenai masyarakat Malaysia pun kita masih menjawab persoalan yang dikemukakan oleh sarjana Barat. Kita tidak berani menggunakan pendekatan sendiri.²⁴

Seorang lagi sarjana tempatan, Profesor Shamsul Amri Baharuddin daripada Universiti Kebangsaan juga telah membuat pemerhatian yang sama. Sehubungan dengan ini beliau merujuk kepada pendapat seorang pemeriksa luar yang membuat komen tentang pencapaian atau mutu latihan ilmiah di sebuah universiti di negara ini. Antara lain laporan itu berbunyi,

Kekuatan tesis dari jabatan ini bukanlah terletak kepada daya analitikal serta pengetahuan teoritikal yang mendalam, tetapi kepada daya pemerihalan yang cukup mengkagumkan kerana maklumat yang telah dikutip selalunya jauh terlalu banyak dari apa yang diperlukan oleh sesebuah tesis. Diharap akan sampai waktunya

nanti di mana akan wujud keseimbangan antara teori dan data dalam tesis-tesis yang akan datang. Maka tercapailah kematangan intelektual pada hari itu nanti.²⁵

AKHIR KATA: PERSEPSI SAINTIS SOSIAL TERHADAP PERANAN SENDIRI

Seterusnya, dan akhir sekali di dalam perbincangan ini, fungsi para saintis sosial dan sejauh mana kejayaan mereka mengendalikan fungsi tersebut bergantung juga kepada persepsi saintis sosial sendiri terhadap peranan mereka. Sekiranya para saintis sosial mentakrifkan peranan mereka hanya setakat mengenengahkan saranan dan teori dan tidak terpenggil untuk memastikan saranannya itu diimplementasikan (kerana menganggap itu sebagai bidang tugas para pemerintah atau kerajaan),²⁶ maka kriteria untuk mengukur kejayaan sains sosial, dan sekali gus tempat para saintis sosial masa hadapan, mungkin tidaklah begitu meninggi. Tetapi dalam pada itu pun para saintis sosial, pengamal dan pelajarnya, masih lagi dikehendaki bersikap kreatif dan analitikal bagi memastikan saranan mereka bermakna, relevan dan berguna.

Seandainya peranan saintis sosial dilihat tidak hanya sebagai seseorang yang mengutarakan teori tetapi juga sebagai seorang yang seharusnya memperjuangkan sekali saranannya itu, memastikan atau sekurang-kurangnya menggalakan agar ia diimplementasikan, yakni berperanan ala para aktivis Green Peace, walaupun tidak sehebat mereka, maka kayu ukur bagi menilai kejayaan para saintis sosial mengendalikan peranan mereka mungkin, atau jelaslah, jauh lebih meninggi.²⁷

Sebagai rumusannya, bolehlah diperkatakan bahawa sebagaimana sains tabii berperanan untuk memperbaiki alam fizikal maka sains sosial bertujuan untuk memperbaiki alam manusia atau kemasyarakatan. Penilaian seseorang tentang sama ada sains sosial telah berjaya atau tidak dalam

mengendalikan fungsi tersebut bergantung juga kepada penilaian seseorang terhadap keadaan masyarakat manusia semasa. Ini seterusnya membawa implikasi terhadap penilaian seseorang tentang prospek masa depan sains sosial itu sendiri. Namun begitu biar apapun tanggapan seseorang tentang beberapa elemen atau aspek yang disentuh tadi, dan yang telah cuba dihuraikan di atas, masa depan sains sosial dan para saintis sosial amat bergantung tentunya kepada kedinamikan bidang itu sendiri dan kecerdasan dan keprihatinan para pengamalnya.

NOTA

- 1 Ibn Khaldun (terj. DBP), *Mukadimah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993) hlm.32.
- 2 *Ibid.* hlm. 151-152.
- 3 Y. Lacoste (terj. D. Macey), *Ibn Khaldun: The Birth of History and The Past of the Third World* (London: Verso, 1984) hlm. 188.
- 4 *Ibid.*
- 5 Lih. di atas. Seorang kontemporari Descartes, Hugo Grotius (1583-1645), juga telah mengemukakan pendirian yang senada dengan mendakwa bahawa ' Hukum alam adalah begitu kental sekali sehingga Tuhan sendiri tidak berupaya mengubahnya '. Lih. P. Gay & R.K. Webb, *Modern Europe to 1815* (New York: 1973)hlm.349.
- 6 M. Chambers, et. al. *The Western Experience: Vol. II Since the Sixteenth Century* (New York: McGraw-Hill, 1995)hlm. 612.
- 7 Lih. Qasim Ahmad, *Karya Sejarah: Pendekatan dan Persoalan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996)bab 5 ' Pemikiran Kesedaran: Satu Garis Pemisah Revolusioner' hlm. 64-82 dan John Carroll, *Humanism: The Wreck of Western Culture* (Hammersmith: Fontana Press, 1993).
- 8 J.M. Charon, *Sociology: A Conceptual Approach* (Boston: Ally and Bacon, 1992)hlm.47.
- 9 Untuk penghujahan sebegini lih. misalnya, P. Gardiner, *The Nature of Historical Explanation* (Oxford: Oxford University Press, 1961)hlm.91.
- 10 Lih. misalnya P. R. Viotti & M.V. Kauppi, *International Relations Theory: Realism, Pluralism, Globalism* (New York: MacMillan Publishing Co., 1993)hlm4.. Lih. juga J.S.Goldstein, *International Relations* (Harper Collins College Publishers, 1994)hlm.5
- 11 Paul Lazarsfeld ' A note on empirical social research and interdisciplinary relationships' dlm. *International Social Science Journal* No.157, September 1988, No. 157, hlm. 349.
- 12 John Carroll, *op.cit.* hlm. 7.
- 13 *Berita Harian*, 12.6.1995. Lih. Berita Pendidikan, hlm.1.
- 14 Lih. Dato' Dr. Haji Zainul Ariffin Bin Haji Hussain, 'Social Agenda', *Persidangan Agenda Sosial Alaf Baru*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 23 April, 1998, hlm.1.
- 15 Untuk penjelasan seorang ahli akademik bersabit kemerbahayannya yang berpelbagai ini lih. misalnya artikel Prof. Madya Dr. Mustafa Daud, ' Menangani gejala sosial secara bijaksana, berkesan'. *Berita Harian*, 9.3.98, hlm.8.
- 16 Lih. *Berita Harian*, 12.11.98, hlm.21.
- 17 Roberta Balstad Miller, 'Social Science and the Challenge of Global Environmental Change', dlm. *International Social Sciences Journal, No. 157, September 1998.*

- 18 Federico Mayor, 'The Role of The Social Sciences in a Changing Europe', *International Social Sciences Journal* September 1998, Bil. 157, hlm. 456.
- 19 Immanuel Wallerstein, 'Social Science and Contemporary Society: The vanishing guarantees of rationality,' *International Sociology*, March 1996, Vol. 11(1):hlm.23.
- 20 *Ibid.* hlm. 23.
- 21 *Ibid.*
- 22 *Ibid.* hlm.24.
- 23 Profesor Datuk Khoo Kay Kim, *Berita Harian*, 4 Januari 1993, hlm. 10.
- 24 *Ibid.*
- 25 Shamsul Amri, B, 'Metodologi Penyelidikan Sains Sosial: Suatu Pertimbangan Kritis.' *Satiawancana*. (UKM: Jabatan Antropologi & Sosiologi, Disember 1992) hlm.14.
- 26 Seorang penulis tempatan misalnya pernah menulis ' Biar apapun, peranan para intelektual bukanlah sebagai pembuat keputusan'. Lih. Abdul Rahman Saadon ' Intellectual's role in nation building', *New Straits Times*, 31.7.96, hlm.14.
- 27 Untuk pemerihalalan dan pembicaraan tentang ini lih. Shamsul Amri Baharuddin, 'Masa Depan Kajian Sains Sosial: Mengekal Yang Lama, Membekal Yang Baru', *Persidangan Kebangsaan Kajian Sains Sosial* (Universiti Malaya, Julai, 1997).